

09/10/1998

ISA bukan untuk pertahanan Umno

KOTA BHARU, Khamis - Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak pernah dijadikan instrumen untuk mempertahankan Umno kerana pemilihan pemimpin masih dijalankan secara demokratik menerusi pilihan raya.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, rakyat dapat menerima dan memahami kepentingan ISA dalam memelihara ketenteraman negara.

"Kekuatan Umno bukan bergantung pada ISA seperti dakwaan pembangkang kerana kalau benar kerajaan menggunakan ISA untuk memenangkan Umno, lebih baik kita letakkan semua pemimpin parti pembangkang dalam ISA.

"Kita akui Malaysia sudah bebas daripada ancaman komunis, tetapi ISA tetap penting bagi negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama.

"Tanpa ISA, kita boleh bayangkan rusuhan yang mungkin tercetus ketika berlaku huru-hara (di Kuala Lumpur) pada 21 September lalu dan kesan huru-hara di bandar adalah lebih buruk daripada komunis mengamuk dalam hutan," katanya.

Beliau berkata demikian sebelum perjumpaan dengan ketua Pemuda dan Wanita bahagian di Dewan Umno di sini, hari ini.

Menurutnya, parti pembangkang seperti Pas dan DAP sentiasa mengambil kesempatan daripada isu semasa bagi menjaga kepentingan masing-masing, selain ingin mengelirukan rakyat.

"Justeru, mereka berganding menubuhkan Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) tanpa sebarang asas baru melainkan penentangan terhadap ISA, sekali gus seolah-olah sekadar berharap untuk melihat perpecahan di kalangan rakyat," katanya.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luas Bandar berkata, kesejahteraan dan peningkatan taraf hidup yang dinikmati rakyat di negara ini adalah berikutan kecekapan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Oleh itu, beliau menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya Dr Mahathir hanya memberi tumpuan terhadap projek mega tanpa menghiraukan agenda membela rakyat di luar bandar.

"Kita tidak boleh menidakkan sumbangan Perdana Menteri dalam melaksanakan agenda seperti perumahan kos rendah, pembangunan luar bandar dan program membasmi kemiskinan kerana ia adalah perjuangan bersama, bukan mana-mana pihak secara individu," katanya.

(END)